



جابتن حال احوال آكام إسلام ڦولاو ڦينغ

خطبة عيد الفطري 1445هـ

"Aidilfitri Yang Diampuni"

تاریخ باچاءن:

1 SYAWAL 1445H

دبيايءي:



زکۂ ڦولاو ڦینغ

دتریتکن:



جابتن حال احوال آكام إسلام ڦولاو ڦینغ



**Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah  
Negeri Pulau Pinang**

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor (Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**  
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBhg. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**  
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,  
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**  
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



# Teks Khutbah Aidil Fitri 1445H

## "Aidil Fitri Yang Diampuni"

### (1 Syawal 1445H)

اللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ،  
اللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ،  
اللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ،  
وَلِلّٰهِ الْحَمْدُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ،  
صَدَقَ وَعْدَهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعْزَزَ جُنْدَهُ، وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ،

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَلَا تَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ، وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الْمَحْمُودِ بِلِسَانِ الْمُؤْمِنِينَ، الْمُتَفَضِّلِ عَلٰى الْخَلٰقِ أَجْمَعِينَ، لَا نُحْصِي  
نِعْمَةً، وَلَا نُعْدُ آلَاءً، فَلَهُ الْحَمْدُ كُلُّهُ، وَتَبَارَكَ اسْمُهُ، وَتَعَالَى جَدُّهُ، وَلَا إِلٰهَ غَيْرُهُ.

وَأَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ؛ شَرِعْ  
لِأَمْمَتِهِ الْأَعْيَادَ الشَّرِيعَةَ فَأَغْنَاهَا عَنْ أَعْيَادِ الْجَاهِلَيَّةِ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّمَ وَبَارَكَ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَزْوَاجِهِ وَآلِهِ الطَّاهِرِينَ، وَعَلَى  
صَحَابَتِهِ الْغُرْمَى الْمَيَامِينَ، وَعَلَى التَّابِعِينَ لَهُمْ بِالْأَحْسَانِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

**أَمَا بَعْدُ؛ فَاتَّقُوا اللَّهَ، أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ، لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ،**



اتَّقُوهُ ﴿...وَقُولُواْ قَوْلًا سَدِيدًا ﴾٧٠ يُصْلِحُ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرُ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَمَنْ يُطِعِ الْهَٰدِيَةَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا ﴿٧١﴾ [الأحزاب:70,71]، وَاحْمَدُوا رَبَّكُمْ حَيْثُ جَعَلَ لَكُمْ عِيدًا عَظِيمًا وَمَوْسِمًا جَلِيلًا كَرِيمًا.

اللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

## **PARA TETAMU ALLAH YANG DIRAHMATI,**

Mimbar Aidilfitri pada pagi ini mengingatkan kepada muslimin dan muslimat sekalian supaya berusaha meningkatkan ketakwaan kepada Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى, mudah-mudahan kita mendapat rahmat dan kasih sayang Allah di dunia dan akhirat.

Di pagi Aidilfitri yang indah ini khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: “**Aidilfitri Yang Diampuni.**”

## **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Pada hari yang penuh berkat ini, rafa'kanlah rasa syukur kepada Allah. Perbanyakkan *tahmid* iaitu mengungkapkan alhamdulillah kerana telah mempertemukan kita sekali lagi dengan bulan rahmat, bulan kasih sayang dan bulan keampunan Allah iaitu bulan Ramadhan yang baru berlalu.

Pada hari ini, kita perlu menzahirkan kegembiraan dengan mandi sunat Aidilfitri bermula daripada pertengahan malam tadi dan memperbanyakkan takbir sehingga ke pagi ini. Kita juga disunatkan menjamah makanan sebelum datang ke masjid, memakai pakaian baharu dan memakai wangian sebelum hadir mendirikan solat sunat hari raya.



Seperti yang kita ketahui, pada hari yang penuh berkat ini, kita diharamkan untuk berpuasa. Prinsip ini menzahirkan betapa umat Islam seluruh dunia sedang bersuka ria dan bersyukur dengan nikmat Allah ﷺ yang amat banyak.

## **SAUDARAKU MUSLIMIN DAN MUSLIMAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Dalam menjalani kehidupan yang sementara ini, tiada apa yang lebih berharga selain daripada redha Allah. Dalam itu yang paling penting, Allah sudi untuk mengampuni segala dosa kita, sama ada yang kita sedari atau dosa akibat kelalaian kita.

Oleh sebab itu saudaraku sekalian, merasa diri berdosa adalah sikap yang digalakkan dalam agama. Manakala, merasakan diri bersih daripada dosa menandakan hati seseorang itu telah gelap kerana diselaputi hawa nafsu.

Para ulamak sufi telah menyatakan kepada kita bahawa, merasa diri tidak berdosa adalah berdosa dan amat merbahaya kepada iman. Justeru, sebagai seorang yang mengaku beriman kepada Allah, wajiblah melazimi taubat dan beristighfar setiap hari sebagai tanda kefakiran dan bukti kehambaan kepada-Nya. Dengan erti kata lain, setiap yang bergelar hamba mesti bergantung harap kepada tuannya. Allah ﷺ berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 286:



لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا أَكْتَسَبَتْ رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِنْ نَسِينَا أَوْ  
أَخْطَأْنَا رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَا إِصْرًا كَمَا حَمَلْتُمْ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ  
وَأَعْفُ عَنَّا وَأَغْفِرْ لَنَّا وَأَرْحَمْنَا أَنْتَ مَوْلَانَا فَانْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكُفَّارِينَ ﴿١٦﴾

Maksudnya: "Allah tidak mentaklifkan seseorang itu melainkan setakat yang terdaya ditanggung olehnya. Dia mendapat pahala bagi kebaikan yang diusahakannya. Begitu juga sebaliknya, dia menerima balasan seksa bagi (kejahatan) yang dikerjakannya. (mereka berdoa), "Wahai Tuhan kami, janganlah Engkau menghukum kami jika kami terlupa atau kami tersalah! Wahai Tuhan, janganlah Engkau timpakan kami dengan beban yang berat sebagaimana yang telah Engkau timpakan ke atas orang yang sebelum kami. Wahai Tuhan Kami, janganlah Engkau timpakan kepada kami beban yang tidak tertanggung oleh kami. Maafkanlah kami, ampunilah kami dan rahmatilah kami. Engkau penolong kami, maka tolonglah kami menghadapi kaum yang kafir ini."

## SIDANG JEMAAH YANG DIBERKATI SEKALIAN,

Amat malanglah jika seseorang hamba keluar daripada madrasah Ramadhan dengan memikul dosa-dosa yang sama berat seperti sebelumnya. Amat ralatlah jika seseorang yang keluar daripada latihan Ramadhan, namun al-Quran dan zikir masih tidak membasahkan lidahnya. Amat rugilah seorang hamba yang mengaku beriman mendapat jemputan Ramadhan, tetapi rahmat dan keampunan Allah tidak mengiringi dirinya. Sedangkan, rahmat dan keampunan Allah balasannya adalah syurga yang terbentang luas.



Oleh sebab itu muslimin dan muslimat sekalian, pada hari raya yang mulia ini, bertafakkurlah sejenak demi mendapat perasaan rindukan rahmat dan keampunan Allah. Dua perasaan ini tidak akan diperoleh seseorang melainkan dengan jalan takwa. Maka seorang yang bertakwa kepada Allah akan sentiasa meminta-minta belas kasihan Allah dan berusaha untuk meningkatkan amal soleh, sama ada dalam bentuk ibadah *badaniah* dan kebajikan-kebajikan lain.

Ingatlah saudaraku sekalian, sementara meraih keberkatan dan *bertawassul* dengan amalan yang kita dirikan dalam bulan Ramadhan tahun ini, sama-sama lah kita berdoa agar semua ibadah, istighfar dan taubat kita diterima oleh Allah.

Semoga kita semua bakal dipertemukan Allah dalam syurga yang terbentang luas seperti yang dijanjikan-Nya melalui surah Ali Imran ayat 133:

وَسَارِعُوا إِلَى مَغْفِرَةٍ مِّنْ رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٌ عَرْضُهَا السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعَدَتْ لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٣﴾

Maksudnya: “*Dan bersegeralah kamu (mengerjakan amal kebaikan untuk) mendapatkan keampunan daripada Tuhanmu dan syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan bagi orang yang bertakwa.*”

## **MUSLIMIN MUSLIMAT RAHIMAKUMULLAH,**

Mengakhiri khutbah pada pagi ini, khatib mengajak sidang jemaah agar memberi perhatian kepada perkara berikut:

**Pertama:** Bersangka baiklah dengan rahmat dan keampunan Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. Sejahat manapun kita, sebesar manapun dosa kita, bertaubatlah!



Semuanya akan diampunkan Allah. Jangan sesekali berputus asa dengan rahmat Allah.

**Kedua:** Pada Aidilfitri yang sifatnya bersih, suci dan indah ini, bermaaf-maaflah sesama kita. Ingatlah saudaraku sekalian, Allah tidak sudi untuk mengampunkan seseorang yang masih berdosa dengan orang lain selagi dia tidak dimaafkan.

**Ketiga:** Perbaikilah hubungan dengan ibu bapa, adik-beradik, sanak saudara dan jiran tetangga yang masih berselisih faham. Janganlah menyimpan dendam di hati, kerana dendam akan menghapuskan pahala kebajikan. Ingatlah, dendam datang daripada penyakit hati yang sombong, pemarah dan dengki.

**Keempat:** Istiqamah dengan amal soleh yang kita lakukan dalam bulan Ramadhan dan berdoalah semoga kita dapat betemu lagi dengan Ramadhan yang akan datang.

Semoga Aidilfitri pada hari ini dapat menjadikan kita insan-insan bertakwa dan mendapat belas kasihan serta keampunan Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

Firman Allah:

أَرْجِعِي إِلَيْ رَبِّكَ رَاضِيَةً مَرْضِيَةً ﴿٢١﴾ فَادْخُلِي فِي عَبْدِي ﴿٢٢﴾ وَادْخُلِي جَنَّتِي ﴿٢٣﴾

Maksudnya: "Kembalilah kepada Tuhanmu dalam keadaan redha (dengan segala nikmat yang diberikan) lagi diredhai (di sisi Tuhanmu). Maka masuklah kamu ke dalam golongan hambamu (yang berbahagia). Dan masuklah ke dalam syurga-Ku." ﴿Surah al Fajr ayat 28-30﴾



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ。وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ。وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ。

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ،

اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.



## **Khutbah Kedua Aidilfitri**

(1 Syawal 1445H)

اللهُ أَكْبَرُ،  
اللهُ أَكْبَرُ،  
اللهُ أَكْبَرُ،  
اللهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

اللهُ أَكْبَرُ كَثِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ لَنَا فِي يَوْمِنَا عِيدًا، وَوَهَبَ لَنَا فِيهِ أَجْرًا مَزِيدًا، فَالْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى صِيَامِ شَهْرِ رَمَضَانَ وَإِتْمَامِ أَيَّامِهِ، فَلَكَ الْحَمْدُ رَبَّنَا أَوَّلًا وَآخِرًا، ظَاهِرًا وَبَاطِنًا. وَنُصَلِّي وَنُسَلِّمُ عَلَى خَيْرِ خَلْقِ اللَّهِ، مُحَمَّدِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ نَصَرَهُ وَوَلَاهُ. أَمَّا بَعْدُ؛ فَاتَّقُوا اللَّهَ، عِبَادَ اللَّهِ، فَإِنَّهَا أَعْظَمُ مَا أُبْتَغِي بِهِ رَحْمَةُ اللَّهِ؛ (وَإِنْ تُؤْمِنُوا وَتَتَقَوَّلُوا فَلَكُمْ أَجْرٌ عَظِيمٌ) سورة آل عمران (١٧٦)

### **MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Umur adalah rezeki yang sudah ditetapkan, semakin diguna, semakin susut. Pada akhirnya nanti, mati itu sudah pasti menjemput kita sama ada kita suka atau tidak, bersedia atau tidak, muda atau sudah tua.



Jika ditakdirkan tahun ini adalah tahun terakhir kita, maka tiadalah lagi nikmat untuk kita beribadah bersungguh-sungguh dalam bulan Ramadhan. Tiadalah lagi peluang untuk kita menghulurkan tangan merendahkan diri pada hari raya memohon kemaafan daripada ibu dan ayah, pasangan suami dan isteri, adik-beradik, sanak-saudara, jiran tetangga dan dengan siapa sahaja yang kita pernah berurus.

Oleh kerana itu, pada pagi yang diturunkan keberkatan ini, bermaaf-maafanlah sesama kita dengan tulus ikhlas. Lupakan segala dendam dan leraikanlah ikatan kebencian. Walau apapun puncanya, sama ada kerana harta, tersalah kata, tersalah tingkah, berbeza pandangan politik, salah sangka dan sebagainya.

### **INGATLAH SAUDARAKU SEKALIAN,**

Sebuah kematian yang masih meninggalkan dosa, buruk padahnya di alam barzakh dan di akhirat nanti. Bayangkan betapa susahnya kita untuk menjawab soalan "*Siapakah saudaramu?*" oleh malaikat mungkar dan nakir di kubur nanti. Bayangkan betapa seksanya di Mahsyar nanti, seseorang yang perlu mencari orang yang pernah dia berselisih faham semata-mata ingin meminta maaf, apatah lagi anak-anak, pasangan dan adik-beradik kita sendiri. *Wal'iyazubillah* (وَالْعِيَادُ بِاللَّهِ).

### **MUSLIMIN DAN MUSLIMAT YANG DIRAHMATI,**

Sementara perut kita masih terlatih untuk berlapar di bulan Ramadhan yang lalu, jangan lupa untuk meneruskan puasa enam hari pada bulan Syawal ini. Fadhilatnya cukup besar. Rasulullah ﷺ bersabda melalui hadis daripada saidina Abu Ayyub Al Ansari:



مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ أَتَبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ گَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ

Maksudnya: "Sesiapa yang telah berpuasa Ramadhan kemudian diikuti pula dengan berpuasa enam hari di bulan Syawal maka adalah pahalanya seperti dia berpuasa sepanjang tahun." (Hadis Riwayat Muslim)

### **MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,**

Pada hari yang berbahagia ini, marilah kita memperbanyakkan selawat dan salam kepada junjungan mulia Rasulullah ﷺ. Firman Allah

سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى di dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلِكَتُهُ وَيُصَلُّونَ عَلَى الَّذِي يَأْتِيهَا أُلَّا دِينَ إِيمَانُهُمْ صَلُوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيْمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَعَلَى أَلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالْتَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَتَابِعِيْهِمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. وَارْحَمْنَا مَعْهُمْ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِيطٌ بِالدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ انْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ وَاجْدُلْ مَنْ خَدَلَ الْمُسْلِمِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَهْلِكِ الْكَفَرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمَشْرِكِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَاتِكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ اكْفِنَا شَرَّ الظَّالِمِينَ وَاكْفِنَا شَرَّ الْحَاسِدِينَ. وَاكْفِنَا شَرَّ مَنْ يُؤْذِنَا وَأَهْلِكَ مَنْ أَرَادَنَا بِالسُّوءِ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.



اللَّهُمَّ آمِنَا فِي أَوْطَانِنَا، وَأَصْلِحْ وَاحْفَظْ أَئِمَّتَنَا وَعُلَمَاءَنَا وَوُزَراءَنَا وَوُلَادَةَ أُمُورِنَا.  
اللَّهُمَّ وَفَقِهْ لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهَتَّدِينَ  
صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاسْمَلِ اللَّهَمَّ بِعَنَائِيَّتَكَ وَتَوْفِيقَكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةَ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةُ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَانَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلَّا لِلَّذِينَ آمَنُوا  
رَبَّنَا إِنَّكَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ. وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعْلَكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَأَذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى  
نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.